

UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

Anugerah Inovasi Perkhidmatan Sempena Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM 2015




Peneraju : Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)



Definisi Inovasi



Objektif Anugerah Inovasi



Syarat Penyertaan



Kategori Inovasi



Kriteria Inovasi



Prosedur Penilaian




Format Laporan



Pembahagian Markah



Tarikh Penting



KANDUNGAN TAKLIMAT

DEFINISI INOVASI



Inovasi adalah hasil cetusan **idea-idea yang kreatif** dalam mana-mana aspek kerja yang dapat **meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi**. Hasil inovasi yang berupa produk atau servis boleh merangkumi apa-apa perubahan dan penambahbaikan kepada sistem, prosedur, kaedah dan/atau cara bekerja.



OBJEKTIF ANUGERAH INOVASI




- Memberikan pengiktirafan secara formal kepada PTJ yang telah menunjukkan hasil inovasi;
- Menggalakkan perkongsian pintar amalan-amalan terbaik yang menghasilkan inovasi;
- Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara bekerja untuk diamalkan di PTJ;
- Mengenalpasti dan memperkenalkan hasil-hasil inovasi yang boleh di contohi untuk faedah PTJ lain;
- Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.



SYARAT PENYERTAAN



1. Inovasi hendaklah hasil idea yang dicetuskan oleh Fakulti/Institut/Pusat Kecemerlangan/Unit/Jabatan/ Staf Universiti Putra Malaysia;
2. Penyertaan hendaklah melalui pencalonan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ);
3. Inovasi yang dihasilkan hendaklah memberi faedah yang jelas dari segi penyelesaian masalah, peningkatan kualiti dan produktiviti sesebuah organisasi
4. PTJ boleh mencalonkan sekurang-kurangnya satu (1) permohonan dan maksimum tiga (3) hasil inovasi)
5. Pemenang diberikan kepada 5 inovasi yang terbaik tertakluk kepada jumlah penyertaan



PENYERTAAN YANG TIDAK LAYAK

- ⊘ Inovasi daripada hasil penyelidikan dan pembangunan atau R&D yang tiada kaitan dengan peningkatan kualiti dan produktiviti organisasi;
- ⊘ Inovasi untuk tujuan komersial;
- ⊘ Inovasi yang sudah tidak digunakan/diaplikasi pada tahun dinilai.



KATEGORI INOVASI

Pengurusan

Teknikal



CONTOH INOVASI

Inovasi Pengurusan Sumber Manusia;



Inovasi kategori ini adalah merangkumi pembangunan sistem /projek berteraskan sumber manusia, perancangan, pengambilan dan penempatan staf, perancangan latihan dan kerjaya, peningkatan kemajuan staf dan program kebajikan serta memupuk semangat kekitaan.

CONTOH INOVASI

Inovasi Pengurusan Projek;

Inovasi merangkumi projek dan pengurusan projek. Definisi Projek adalah satu usaha terdiri daripada beberapa siri aktiviti dan tugas yang dibuat untuk mencipta satu produk atau servis yang unik. Contoh projek adalah seperti pembinaan bangunan, pembangunan infrastruktur, pembangunan kemudahan, pengeluaran produk dan sebagainya.

Pengurusan Projek adalah penggunaan terhadap pengetahuan, kemahiran, perkakasan dan teknik terhadap aktiviti projek untuk menyiapkan sesuatu projek. Pengurusan projek melibatkan perancangan projek, penganjuran, pengambilan kakitangan, arahan, pemantauan, kawalan, memperkenalkan sesuatu yang baru dan mewakili.



CONTOH INOVASI

Inovasi Pengurusan Teknologi Maklumat;



Inovasi kategori ini merangkumi aplikasi, perkakasan, kandungan tempatan dan multimedia yang kreatif. Penggunaan teknologi maklumat dalam organisasi sebagai alat untuk meningkatkan prestasi, keberkesanan dan produktiviti organisasi secara inovatif dan kreatif.

Inovasi dari aspek teknikal seperti penggunaan alat yang baru, unik dengan pihak yang berkaitan. Inovasi dari segi pendekatan seperti memperkenalkan perkara-perkara baru, menjalankan benchmarking serta mendapatkan kerjasama daripada pihak lain. Teknologi yang digunakan adalah seperti *web based*, *client server*, *VOIP*, *wireless* dan sebagainya.


CONTOH INOVASI

Inovasi Pengurusan Kewangan;

Inovasi kategori ini adalah berteraskan pengurusan belanjawan, pengurusan perbelanjaan, pengurusan perolehan, pengurusan hasil, pengurusan asset dan stor, pengurusan Kumpulan Wang Amanah, dan pengurusan proses-proses lain yang berkaitan dengan pengurusan kewangan seperti Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko. Output Inovasi Pengurusan Kewangan boleh di dalam bentuk sistem ICT, produk atau proses kerja.



CONTOH INOVASI




Inovasi Pengurusan Pelanggan;

Inovasi kategori ini adalah merangkumi perkhidmatan kaunter, perkhidmatan telefon, pengurusan aduan awam, keperluan memudahkan sistem dan prosedur kerja, e-perkhidmatan dan piagam pelanggan.



KRITERIA INOVASI



KRITERIA INOVASI

(IDEA)
– dicetuskan
bagi
menghasilkan
inovasi

- Kreativiti – inovasi memenuhi ciri-ciri keaslian dan adaptasi
- Idea yang asli
- Adaptasi daripada penambahbaikan atau pengubahsuaian idea sedia ada
- Unik/pendekatan di luar kotak
- Melangkaui espektasi
- Mempermudahkan

KRITERIA INOVASI

Hasil Inovasi

- diukur dengan mengambil kira tahap pelaksanaan dan kebolehgunapakai sesuatu inovasi

Tahap pelaksanaan

- Secara penuh (melempi peringkat percubaan); atau
- Secara percubaan (di peringkat prototaip).

Boleh digunapakai

- Dilaksanakan secara terus di pelbagai tempat; dan Dilaksanakan dengan pengubahsuaian mengikut keperluan tanpa melibatkan kos yang tinggi.

KRITERIA INOVASI

- Dinilai dengan melihat kriteria efisien (kecekapan) dan signifikan

**Impak
(Outcome)**

=

Efisien

- penjimatan kos
- penjimatan masa
- peningkatan produktiviti
- Mudah digunakan

- Inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri signifikan dan memberi impak kepada keberkesanan dan kecekapan
- Penjimatan kos/sumber/ *value for money*

Signifikan



PROSEDUR PENILAIAN

- 1) Proses tapisan awal oleh pihak urus setia bagi memastikan PTJ memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan. Proses ini akan melibatkan aktiviti saringan oleh beberapa orang Jawatankuasa Panel Penilai yang dilantik oleh Urus Setia.
- 2) Proses penilaian keseluruhan oleh Panel Penilai Utama. Antara proses yang terlibat adalah:
 - i. Proses penilaian dan pengesahan dokumen.
 - ii. Lawatan penilaian oleh Panel Penilai Utama ke lokasi PTJ (Jika terdapat keperluan)
 - iii. Pembentangan ringkas oleh wakil PTJ/individu berkaitan projek inovasi yang dicalonkan kepada para Panel Penilai Utama mengikut kepada kriteria yang telah ditetapkan.
- 3) Proses pemurnian dan perakuan pemenang oleh Jawatankuasa Kecil Panel Penilai dan kelulusan oleh Pengerusi Jawatankuasa Induk HKIP.



FORMAT LAPORAN

1. Maklumat ringkas mengenai Fakulti/Kumpulan Inovasi atau pihak yang memperkenalkan inovasi;
2. Penerangan mengenai inovasi yang diperkenalkan, objektif, tempoh pelaksanaan sama ada secara penuh atau percubaan dan lokasinya;
3. Penerangan ringkas mengenai kedudukan sebelum inovasi dilaksanakan;
4. Masalah-masalah yang dihadapi sebelum inovasi dilaksanakan;
5. Faedah-faedah pelaksanaan inovasi bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan mengikut kriteria penilaian yang telah ditetapkan. (Penerangan mengenai faedah perlu disokong dengan data dan bukti yang nyata).

FORMAT LAPORAN



6. Gambar-gambar inovasi berserta dengan tajuk.

- ✓ Bersaiz 3R
- ✓ Minimum empat (4) keping
- ✓ Maksimum sepuluh (10) keping
- ✓ Sekurang-kurangnya satu (1) keping gambar sebelum inovasi dan satu (1) keping selepas inovasi

FORMAT LAPORAN

7. Salinan laporan dalam bentuk salinan keras dan salinan lembut hendaklah dihantar untuk satu projek inovasi. Salinan keras sebanyak dua salinan dan perlu dihantar selewat-lewatnya **14 September 2015**
8. Poster bersaiz A3 yang mengandungi maklumat projek (akan dipamerkan semasa Semasa Majlis Anugerah HKIP)
9. Format penulisan laporan inovasi adalah seperti berikut:
 - ✓ Jenis Font – Tahoma
 - ✓ Saiz Font – 12, double spacing, 12 pt
 - ✓ Tidak melebihi daripada 20 muka surat



PANDUAN PERBENTANGAN

1. Masa pembentangan adalah **15 minit dan 10 minit** untuk sesi soal jawab oleh juri.
2. Kaedah pembentangan adalah **mengikut kreativiti individu/pasukan** sama ada menggunakan power point atau bentuk lain yang mana maksud yang ingin disampaikan jelas dan difahami.
3. Bahasa yang dibenarkan adalah **Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris**.
4. Jumlah peserta yang ingin melaksanakan pembentangan tidak terikat tetapi hanya peserta yang telah mendaftar seperti pada borang inovasi sahaja diterima.
5. Kriteria yang diambil kira adalah kreativiti, keberkesanan, signifikan, relevan dan persembahan pembentangan sesuatu inovasi yang telah diketengahkan.
6. Individu/pasukan hendaklah **sampai tepat pada waktu yang ditetapkan**.



Pembahagian Markah

Tumpuan Penilaian	Kriteria	Skema Markah	Wajaran (%)
Kreativiti Markah Penuh : 15	Inovasi yang dihasilkan adalah kreatif dari aspek keunikan dan pendekatan di luar kotak dilihat dari segi usaha atau idea yang asli, tersendiri, diadaptasi atau yang melangkaui norma biasa	5	25
	Inovasi yang dihasilkan adalah kreatif dilihat dari aspek penghasilan inovasi yang menepati kehendak/senario semasa dan menawarkan penyelesaian kreatif yang melangkaui ekspektasi stakeholders/pelanggan	5	
	Inovasi yang dihasilkan mempunyai elemen 'mempermudahkan' dari segi kemampuannya menambahbaik keadaan semasa, mengurangkan kekangan dan jurang atau meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan	5	
MARKAH KREATIVITI		15	25%
Keberkesanan Markah Penuh : 25	Inovasi yang terhasil mendatangkan faedah yang nyata dilihat dari aspek capaian hasil yang segera, ketara, jelas dan diterima umum	5	25
	Inovasi yang terhasil meningkatkan tahap kepuasan sasar/stakeholders dilihat dari aspek penerimaan atau peningkatkan tahap penggunaan sesuatu inovasi	5	
	Inovasi ini menghasilkan nilai baharu (value creation) dilihat dari aspek penciptaan nilai awam (public value) yang boleh memajukan sesuatu organisasi atau pelanggan	5	
	Kelestarian inovasi (sustainability) dilihat dari aspek keupayaannya bertahan dan memberi faedah secara berterusan untuk jangka masa panjang	5	
	Inovasi yang terhasil disempurnakan dalam garis masa yang lebih singkat dan mencabar norma kebiasaan serta tidak berkompromi dalam aspek kualiti	5	
MARKAH KEBERKESANAN		25	25%
JUMLAH KESELURUHAN		85	100

Pembahagian Markah

Tumpuan Penilaian	Kriteria	Skema Markah	Wajaran (%)
Signifikan Markah Penuh : 15	Inovasi yang dihasilkan adalah signifikan diukur dari aspek sejauh mana keberhasilan (outcome) inovasi memenuhi objektif yang ditetapkan	5	20
	Mempunyai unsur penjimatan kos/sumber yang ketara/value for money dilihat dari segi pembiayaan/penggunaan sumber yang optimum serta menghasilkan pulangan yang maksimum bagi kumpulan sasaran/ stakeholders	5	
	Penghasilan inovasi mempunyai kepentingan yang nyata diukur dari segi kemampuannya untuk menawarkan alternatif penyelesaian kepada isu semasa	5	
MARKAH SIGNIFIKAN		15	20%
Relevan Markah Penuh : 15	Inovasi ini relevan dengan arus perdana dan memenuhi kehendak UPM dan dilihat dari aspek sejauh mana ia menyokong kepada kehendak organisasi	5	20
	Inisiatif yang dihasilkan mengambil kira persekitaran semasa dilihat dari aspek keupayaan memenuhi ekspektasi, kehendak atau keadaan semasa	5	
	Inisiatif inovasi ini menyokong konsep pentadbiran awam yang seamless dilihat dari aspek tahap jaringan kerjasama dan perkongsian strategik dengan pelbagai pihak	5	
MARKAH RELEVAN		15	20%
Pembentangan Markah Penuh : 15	Persembahan yang kemas, turutan yang logikal dan menepati masa yang telah diperuntukkan	5	10
	Persembahan yang jelas, penggunaan alat pandang dengar yang berkesan dan pengucapan awam	5	
	Dapat menjawab dengan jelas persoalan Juri	5	
MARKAH PEMBENTANGAN		15	10%
JUMLAH KESELURUHAN		85	100

TARIKH PENTING



Talimat
kepada PTJ
(25 Feb.
2015)

Pertandingan
bermula
(25 Feb – 14
Sept 2015)

Penghantaran
Laporan
(14 Sept. 2015)

Perbentangan
& Penilaian
(06 Okt. 2015)

Keputusan dan
Majlis
Anugerah
(29 Okt. 2015)




PENYERTAAN ANUGERAH INOVASI 2014

Bil	Nama Projek	PTJ	Kategori	Ketua Kumpulan	Fasilitator	Catatan
1.	Elastic Signage Parking (e-SINPARK)	En. Mustaffa Hj. Dollah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan	Individu	-	-	Pemenang 2014
2.	Protatable Hot Stamping Platform	Mohammad Marwan Abdul Razak Perpustakaan Sulatan Abdul Samad	Individu	-	-	Pemenang 2014
3.	R-envelope (Reusable envelope: Sampul surat yang boleh diguna semula)	En. Mohammad Fakarrudeen Zulkifli Fakulti Ekonomi dan Pengurusan	Individu	-	-	-
4.	TMK Evo (Trolis Mengangkut Kerusi Evolusi)	PKKSSAAS	Kumpulan	Tn. Hj. Muhammad b. Mohd Yusof	-	-
5.	GluMAC : Gluing Machine/ Mesin Gam yang mempercepatkan proses penjilidan bahan perputakaan	Perpustakaan Sultan Abdul Samad	Kumpulan	Pn. Salmah Abdullah	En. Roslan Ariffin	Pemenang 2014
6.	Fasa 3 Sistem Pengurusan Latihan UPM	Pejabat Pendaftar/ iDEC	Kumpulan	En. Norman Azlan Osman	-	Pemenang 2014
7.	Eco-Waste System	Fakulti Ekologi Manusia	Kumpulan	Pn. Salmina Sulaiman	En. Shahrman Hashim	-



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE



“Inovasi bukan lagi milik sesiapa, bukan milik mana-mana negara atau bangsa. Ia boleh dimiliki oleh semua dan jika ia dijadikan amalan budaya hidup, ia boleh memperkasakan sesebuah bangsa. Pandangan bahawa inovasi milik ahli-ahli sains, teknologis dan cerdik pandai berkelulusan tinggi adalah tanggapan yang tidak tepat.”

YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak
Majlis Pelancaran Malaysia Inovatif, 27 Januari 2010

Terima Kasih | *Thank You*



... kembali ke slaid utama